

**KESEJAHTERAAN HUBUNGAN ANTARA KAUM
DI BAYT AL-MAQDIS PADA ZAMAN
UMAR AL-KHATTAB**

Oleh:

Mohd Roslan Mohd Nor *

Abd al-Fattah El-Awaisi **

m_roslan@um.edu.my.

a.elawaisi @uum.edu.my

ABSTRACT

When Islam began to rule Islamicjerusalem or Bayt al-Maqdis in 637CE, non-Muslims among Christians and a number of Jews had already been living in the region. History shows that Jews were originally banned from entering Aelia (Islamicjerusalem) by the Romans nearly 500 years earlier. The arrival of Islam is seen to give mercy to those non-Muslims to live together in region is regarded as crucial to the three divine monotheistic religions. This article will attempt to discuss inter-racial relations in Islamicjerusalem and study the steps taken by the second Islamic caliphate, Umar al-Khattab in the creation of prosperity among the people of the region.

Keywords: *Racial relations, Islamicjerusalem, Bayt al-Maqdis, Umar al-Khattab, Islam and non-Muslim*

* Mohd Roslan Mohd Nor, PhD, merupakan pensyarah kanan dan Ketua, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

** Abd al-Fattah El-Awaisi, PhD, merupakan Profesor dan Perunding di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau adalah pengasas kepada Pengajian Islamicjerusalem dan banyak menghasilkan penulisan di dalam bidang tersebut.

ABSTRAK

Ketika Islam mula menguasai Islamicjerusalem atau Bayt al-Maqdis pada tahun 637M, rantau tersebut sudah diduduki oleh masyarakat bukan Islam dalam kalangan orang-orang Kristian dan sebahagian kecil orang-orang Yahudi. Sejarah menunjukkan bahawa golongan Yahudi pada asalnya telah dilarang memasuki Aelia (Islamicjerusalem) oleh Roman hampir 500 tahun sebelumnya. Kedatangan Islam dilihat memberi rahmat kepada golongan bukan Islam untuk sama-sama berada di rantau yang dianggap sebagai penting untuk ketiga-tiga agama samawi. Artikel ini akan cuba mengupas hubungan antara kaum di Islamicjerusalem dan melihat apakah langkah-langkah yang diambil oleh khalifah Islam kedua, Umar al-Khattab dalam mewujudkan kesejahteraan dalam kalangan penduduk rantau tersebut.

Kata Kunci: *Hubungan antara kaum, Islamicjerusalem, Bayt al-Maqdis, Umar al-Khattab, Islam dan non-Muslim*

PENDAHULUAN

Perpaduan kaum adalah perkara utama yang sering diperjuangkan kerana perpaduan sangat penting bagi mewujudkan keamanan dan kesejahteraan dalam masyarakat majmuk. Perpaduan merupakan jaminan kepada kesejahteraan sosial, kestabilan politik dan ekonomi. Untuk membina perpaduan dan seterusnya sebuah negara yang makmur bagi negara yang bermasyarakat majmuk, semua kaum yang wujud perlu mempunyai integrasi hubungan yang baik antara satu sama lain sehingga mencapai kesejahteraan yang diimpikan. Dalam konteks ini, Bayt al-Maqdis merupakan suatu contoh rantau yang unik kerana kepelbagaian masyarakat yang wujud di dalam dan di sekitarnya. Kepelbagaian bangsa ini menuntut kepada hubungan yang baik dan jitu agar pembangunan dapat dilakar bersama.

Dari aspek sejarah Islam, ada beberapa contoh kesejahteraan hubungan di antara masyarakat non-Muslim dengan masyarakat Islam yang boleh diketengahkan sebagai panduan perbincangan. Di antaranya ialah

contoh yang berlaku apabila kota Bayt al-Maqdis dibuka oleh pemimpin Islam. Apa yang berlaku di Bayt al-Maqdis pada masa pembukaan kota tersebut buat pertama kali oleh umat Islam, boleh menggambarkan hubungan antara kaum yang berlaku. Ia tidak seperti pada zaman moden ini ketika Bayt al-Maqdis berada di bawah penguasaan golongan Yahudi, di mana berlaku penindasan ke atas penduduk di sana yang terdiri daripada kalangan Muslim dan Kristian.

Oleh yang demikian, makalah ini selanjutnya akan membincangkan hubungan masyarakat Islam dengan non-Muslim dengan membawa perbincangan secara khusus dan kajian kes terhadap apa yang pernah dilakukan oleh pemimpin Islam pada satu ketika dahulu di Bayt al-Maqdis. Perbincangan akan turut melihat kepada dokumen *Jaminan Umar* terhadap penduduk bukan Islam di Bayt al-Maqdis.

Dari sudut pandangan Islam, kewujudan masyarakat yang berbilang kaum adalah sesuatu yang lumrah. Ia suatu yang tidak dapat dielakkan. Bahkan, kewujudan pelbagai bangsa itu turut dianggap sebagai rahmah Pencipta kepada seluruh manusia. Di dalam satu ayat Quran, Allah menggambarkan kekuasaannya untuk menjadikan umat di atas muka bumi ini sebagai satu, tetapi di sana ada hikmah tersendiri apabila terdapat pelbagai bangsa yang menghuni bumi. Allah SWT berfirman:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ
الْكِتَابِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ فَاحْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ
وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ لِكُلِّ جَعَلْنَا
مِنْكُمْ شَرَعًا وَمَنْهَاجًا وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً
وَلَكِنْ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ فَأَسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ
مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٤٨﴾

Maksudnya:

“Dan Kami telah turunkan kepadamu Al-Qur’an dengan membawa kebenaran, membenarkan apa yang sebelumnya, iaitu Zabur, Taurat dan Injil yang diturunkan sebelumnya, dan Al-Qur’an sebagai batu ujian terhadap kitab-kitab yang lain itu; maka putuskanlah perkara mereka menurut

apa yang Allah turunkan dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu. Untuk tiap-tiap umat di antara kamu, Kami berikan aturan dan jalan yang terang. Sekiranya Allah menghendaki, nescaya kamu dijadikan-Nya satu umat (saja), tetapi Allah hendak menguji kamu terhadap pemberian-Nya kepadamu, maka berlumba-lumbalah berbuat kebajikan.”

Sūrah al-Ma’idah (5): 48

HUBUNGAN MASYARAKAT ISLAM DENGAN BUKAN ISLAM DI BAYT AL-MAQDIS

Bayt al-Maqdis telah menjadi wilayah umat Islam apabila ia pertama kali dibebaskan pada zaman khalifah kedua, Umar al-Khattab. Peristiwa yang berlaku pada tahun 637M¹ tersebut telah meninggalkan kesan yang mendalam ke atas masyarakat di Bayt al-Maqdis dari segi hubungan antara kaum, yang pada waktu tersebut mereka masih lagi dikenali sebagai penduduk Aelia.

Apabila pihak Roman mengeluarkan larangan kepada golongan Yahudi agar tidak memasuki kawasan Aelia Capitolina pada tahun 132M,² ia telah menjadi satu larangan yang bersifat meminggirkan golongan tersebut. Ini kerana, kesucian Bayt al-Maqdis itu seharusnya dimiliki bersama oleh agama samawi yang mempunyai nabi-nabi yang telah menghabiskan masa mereka di kota tersebut.

Apa yang direkodkan ialah *no Jews should be allowed within the district of Aelia Capitolina*.³ Larangan itu menunjukkan bahawa Roman mahu menjadikan Islamicjerusalem / Aelia / Bayt al-Maqdis sebagai sebuah kota yang bersifat eksklusif kepada penganut ajaran Kristian sahaja.

¹ Tahun 637M ini diambil berdasarkan kepada pandangan sejarawan seperti al-Wāqidī and al-Ya’qūbī. Untuk mengetahui pelbagai pendapat mengenai tarikh Bayt al-Maqdis dibebaskan, sila lihat Othman Ismael al-Tel (2003), *The First Islamic Conquest of Aelia (Islamic Jerusalem): A Critical Analytical Study Of The Early Islamic Historical Narrations and Sources*. UK: Al-Maktoum Institut Academic Press, h. 3 & 110 - 120.

² John Wilkinson (1990), ‘Jerusalem Under Rome and Byzantium’ in K. J Asali, *Jerusalem in History*. New York: Olive Branch Press, h. 88; lihat juga Mahmoud Matz Kazmouz (2007), ‘Islamicjerusalem As a Model For Multiculturalism: Preliminary Study’ in *Journal of Islamicjerusalem Studies*, Vol. 8, Summer, h. 69.

³ John Wilkinson (1990), *Ibid*.

Di sini timbul pula persoalan mengapa dan bagaimana larangan itu boleh dikeluarkan? Adakah ia berkait dengan masalah yang wujud dalam kalangan kelompok Yahudi itu sendiri? Ini suatu persoalan yang memerlukan penelitian sumber dan kajian lanjut.

Sarjana dan penyelidik menyatakan apabila kota tersebut dibebaskan oleh pemerintah Islam, ia menjadi satu titik penting atau *'turning point'* kepada perubahan. Umar al-Khattab tidak menunggu lama untuk memberikan jaminan kepada penduduk Bayt al-Maqdis apabila beliau mengeluarkan satu jaminan ke atas hak-hak penduduk di situ. Golongan Kristian dan Yahudi dijamin dari sudut hak mereka untuk terus menetap di kota tersebut di samping mereka diberi kebebasan untuk melakukan ibadah-ibadah rutin mereka serta kegiatan sosial yang lain.⁴

Banyak perkara yang terkandung dalam dokumen yang dikeluarkan oleh Umar tersebut yang juga dikenali sebagai *al-Uhdah al-Umariyyah* atau *Umar Assurance of Safety to the People of Aelia* atau *Jaminan Keselamatan Umar Kepada Penduduk Aelia*.

BEBERAPA PANDANGAN SARJANA TERHADAP HUBUNGAN ANTARA KAUM PADA ZAMAN AWAL ISLAM

Kazmouz di dalam penulisannya mengenai *Islamic Jerusalem as a Model for Multiculturalism: Preliminary Study*⁵ menghuraikan bagaimana yang dimaksudkan dengan kehidupan dalam kepelbagaian budaya di Bayt al-Maqdis. Beliau telah menyingkap sesuatu yang jarang disebut atau dikaji oleh penyelidik iaitu mengaitkan Bayt al-Maqdis sebagai model kepada kepelbagaian kaum. Beliau membincangkan mengenai sumbangan Umar al-Khattab dalam mengharmonikan kaum-kaum yang ada di Bayt al-Maqdis.

Untuk melihat perkara ini dengan lebih luas, pastinya perlu di kaji pandangan sarjana yang mengeluarkan pandangan terhadap Bayt al-Maqdis sebagai model kepelbagaian. Ketika meneliti penulisan *Introducing Islamic Jerusalem*,⁶ dapat difahami bahawa *Islamic Jerusalem* sebagai model

⁴ Othman Ismael al-Tel (2003). *Ibid*.

⁵ Mahmoud Mataz Kazmouz (2007), *op.cit.*, h. 55 – 76.

⁶ Abd al-Fattah El-Awaisi (2007), *Introducing Islamic Jerusalem*. UK: Al-Maktoum Institute Academic Press.

kepelbagaian tersebut adalah berdasarkan kepada sumber sejarah. Ia boleh dilihat ketika Umar al-Khattab memberi ruang yang selesa kepada penganut agama lain untuk terus berada dan tinggal di Islamicjerusalem termasuk diberi kebebasan untuk beribadat. Dalam keadaan dunia moden pada hari ini, sukar untuk dibayangkan hal ini boleh terjadi lantaran kehancuran Islamicjerusalem yang disebabkan oleh keganasan Israel. Di sinilah terserlah kepentingan dan keperluan kajian dibuat terhadap sejarah agar dapat membantu mewujudkan kefahaman yang lebih jitu terhadap kesentosaan hidup masyarakat yang terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa.

Ketika meneliti mengenai kandungan *Umar's Assurance of Safety Aman*,⁷ didapati bahawa ada keraguan terhadap perawi teks tersebut namun kandungannya masih boleh diterima. Kandungan teks itu boleh diterima kerana terdapat beberapa riwayat lain terhadap jaminan Umar tersebut. Pun begitu, dari sudut teks ada juga percanggahan yang diragui tetapi ia tidak membawa kepada penolakan keseluruhan kandungannya. Kajian ini menyentuh secara tidak langsung mengenai hubungan antara kaum yang berjalan di Islamicjerusalem tetapi untuk tempoh yang terhad iaitu pada zaman Umar al-Khattab.

Al-Tel di dalam tulisannya mengenai *The First Islamic Conquest of Aelia* turut membincangkan kaedah asas yang dicetuskan oleh Umar al-Khattab dalam memberi jaminan hak kepada masyarakat setempat di Bayt al-Maqdis. Ini membolehkan masyarakat yang berbilang budaya dan agama itu untuk terus menikmati suasana yang terjamin dalam kehidupan mereka. Beliau turut menjelaskan kekeliruan terhadap tarikh-tarikh yang ada dalam sejarah Islam mengenai peristiwa yang berkaitan dengan Bayt al-Maqdis tersebut.

Karen Armstrong di dalam bukunya *A History of Jerusalem: One City Three Faiths* menyatakan dengan jelas bahawa ketika Umar membuka wilayah Bayt al-Maqdis, tiada berlaku pertumpahan darah dan sebagainya. Ini berdasarkan kenyataan yang beliau tegaskan "*Once the Christians had surrendered, there was no killing, no destruction of property, no burning of rival religious symbols, no expulsions and expropriations, and no attempt to force the inhabitants to embrace Islam*".⁸ Ini boleh menjadi satu sumber

⁷ Abd al-Fattah El-Awaisi (2005), *Umars' Assurance of Safety Aman*. UK: Al-Maktoum Institute Academic Press.

⁸ Armstrong, Karen (1997), *A History of Jerusalem: One City Three Faiths*. UK:

rujukan yang mengesahkan corak pemerintahan zaman Umar al-Khattab terhadap masyarakat bukan Islam. Sememangnya ini yang diimpikan oleh masyarakat dunia terhadap perkembangan hubungan antara kaum zaman kini. Bila seseorang menoleh kepada sejarah ini, tentunya ia adalah sesuatu yang boleh membantunya memahami suasana aman yang pernah terjadi dalam sejarah Islam. Jika hal ini di ambil iktibar, ia boleh membantu mewujudkan suasana yang lebih harmoni kini di mana-mana dan dapat mengelakkan berlakunya pertembungan yang tidak diundang dalam kalangan ahli masyarakat.

Gambaran yang dinyatakan oleh sarjana timur dan barat terhadap usaha Umar ini menunjukkan betapa beliau telah menjalankan tugas dalam bentuk yang Islami sehingga tidak berlaku soal perkauman atau penindasan terhadap penganut-penganut agama lain. Karen Armstrong umpamanya menyatakan bahawa sedari awal lagi Islam mempunyai pandangan inklusif terhadap Bayt al-Maqdis dan ini dijemakan ketika kota tersebut pertama kali dibebaskan oleh Islam iaitu pada zaman Umar al-Khattab.

JAMINAN UMAR TERHADAP PENDUDUK AELIA (BAYT AL-MAQDIS) MEMBAWA KESEJAHTERAAN

Apabila kota Bayt al-Maqdis dibuka (*fath*) oleh Umar al-Khattab, beliau telah mengemukakan satu bentuk jaminan untuk menjamin keselamatan penduduk bukan Islam di bawah pemerintahan Islam, iaitu pemerintahan di bawah pimpinan beliau sendiri. Jaminan yang diberi berdasarkan kepada teks yang dikemukakan oleh al-Tabari sepertimana berikut:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

هذا ما أعطى عبد الله عمر أمير المؤمنين أهل ايلياء من الأمان ، أعطاهم أمانا لأنفسهم وأموالهم ولكنائسهم وصلبانهم سقيمها وبريئها وسائر ملتها ، أنه لا تسكن كنائسهم ولا تخدم ولا ينتقص منها ولا من حيزها ، ولا من صلبهم ، ولا من شيء من أموالهم ولا يكرهون على دينهم، ولا يضار أحد منهم ، ولا يسكن بايلياء معهم أحد من اليهود.

وعلى أهل ايلياء أن يعطوا الجزية كما يعطى أهل المدائن ، وعليهم أن يخرجوا منها الروم واللصوص . فمن خرج منهم فإنه آمن على نفسه وماله حتى يبلغوا مأمنهم . ومن أقام منهم فهو آمن وعليه مثل ما على أهل ايلياء من الجزية ، ومن احب من أهل ايلياء أن يسير بنفسه وماله مع الروم ويخلى بيعهم وصلبهم ، فاتهم آمنون على أنفسهم حتى يبلغوا مأمنهم ، ومن

كان بها من أهل الأرض فمن شاء منهم قعد وعليه مثل ما على أهل ايلياء من الجزية ومن شاء سار مع الروم ومن شاء رجع إلى أهله ، لا يؤخذ منهم شيء حتى يحصد حصادهم ، وعلى ما في هذا الكتاب عهد الله وذمة رسوله وذمة الخلفاء وذمة المؤمنين إذا أعطوا الذي عليهم من الجزية.

عمر بن الخطاب

كتب وحضر سنة ١٥ هـ

شهد على ذلك: خالد بن الوليد، عمرو بن العاص، عبد الرحمن بن عوف و معاوية بن أبي سفيان

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang . Ini adalah jaminan keamanan aman yang dikurniakan oleh hamba Allah (Khalifah kedua) Umar (Ibn al-Khattab), Komander yang setia, kepada penduduk Aelia.

Beliautelah mengurniakan mereka satu jaminan keamanan untuk kehidupan dan harta benda mereka, gereja-gereja dan salib-salib mereka; yang sakit dan sihat (tanpa pengecualian); dan untuk seluruh komuniti agamanya. Gereja-gereja mereka tidak akan didiami (diambil alih) atau dimusnahkan oleh kaum Muslimin. Diri-diri mereka, tanah yang mereka diami, salib dan harta benda mereka tidak akan diceroboh atau dirampas. Penduduk tidak akan dipaksa (yukrahūna) dalam beragama, atau dianiaya (yudārūna). Tiada Yahudi dibenarkan mendiami Aelia bersama mereka.

Penduduk Aelia perlu membayar jizyah sebagaimana penduduk daerah/ bandar lain (Ahl al-Mada'in). Mereka perlu mengusir orang-orang Rom Timur dan perompak. Bagi mereka (kumpulan Rom Timur yang pertama) yang perlu meninggalkan (Aelia), nyawa dan harta benda mereka akan dilindungi dari bahaya sehingga mereka tiba di tempat yang aman, dan bagi mereka (kumpulan Rom Timur kedua) yang (memilih untuk) tinggal, mereka akan selamat. Mereka perlu membayar jizyah sebagaimana penduduk Aelia.

Penduduk Aelia yang mahu pergi bersama orang-orang Rom Timur, bersama harta benda mereka, dan mahu mengosongkan gereja mereka dan salib mereka, mereka dan semua itu akan selamat sehingga tiba di tempat yang aman.

Sesiapa sahaja yang tinggal di Aelia daripada kalangan penduduk tanah tersebut (Ahl al-Ard) (cth: pelarian perang dari kampung-kampung yang meminta perlindungan di Aelia) sebelum pembunuhan fulan (nama seseorang) boleh tinggal di Aelia jika mereka mahu, tetapi mereka perlu membayar jizyah sebagaimana penduduk Aelia. Mereka yang mahu mengikut orang-orang Rom Timur boleh berbuat demikian, dan mereka yang mahu pulang kepada keluarga mereka juga boleh berbuat demikian. Tiada apa-apa akan diambil daripada mereka sehingga hasil tanaman mereka dituai.

Kandungan jaminan keamanan ini adalah di bawah pemeliharaan Allah, tanggungjawab NabiNya, para Khalifah, dan kesetiaan penuh jika (penduduk Aelia) membayar jizyah menurut kewajipan mereka.

Individu-individu yang menyaksikan jaminan ini adalah: Khalid Ibn al-Walid, Amr Ibn al-As, Abd al-Rahman Ibn Awf, dan Mu'awiyah Ibn Abi Sufian.

Jaminan Keamanan ini telah ditulis dan disediakan pada tahun 15H.

Menurut para pengkaji sejarah, versi yang disampaikan oleh al-Tabari bertarikh 15H ini, sehingga tahun 1953, dianggap versi yang terpanjang dan teks yang paling jelas, mengandungi perincian yang mendalam berkaitan dengan tanggungjawab, tugas dan kewajipan setiap individu Muslim dan bukan Muslim di Bayt al-Maqdis.⁹

⁹ Abd al-Fattah El-Awaisi (2007). *Ibid.*

Jaminan Keamanan Umar telah menyediakan peraturan asas untuk membantu pembangunan dan pembentukan semula komuniti baru di Aelia. Ia menolak fahaman bahawa individu atau bangsa yang mempunyai kuasa boleh menguasai atau mengatasi individu atau bangsa yang lain. *Jaminan Keamanan Umar* telah menekankan kepada satu polisi Muslim yang praktikal terhadap pengiktirafan kepada pihak lain dengan menentukan hak-hak penduduk Aelia dan tanggungjawab kaum Muslimin terhadap mereka. Ia memberikan jaminan keamanan kepada setiap orang yang mendiami Aelia, tanpa pengecualian dan diskriminasi. Ini juga termasuk menjamin keselamatan rumah ibadat, tidak ada paksaan dalam beragama, dan tiada siapa yang akan dianiaya. Di samping itu, rumah ibadat mereka tidak akan dihuni (diambil alih) atau dimusnahkan oleh kaum Muslimin. Termasuk juga tanah yang mereka diami, salib dan harta benda mereka tidak akan diceroboh atau dirampas.

Tambahan daripada itu, bacaan semula dan pentafsiran perenggan kedua *Jaminan Keamanan Umar* ini menunjukkan secara jelas bahawa kaum Muslimin yang telah membuka Aelia ini telah membuat satu polisi untuk tidak mencampuri hal-hal dalaman agama penduduk Aelia. Ini bermakna Jaminan ini telah meletakkan asas kepada kebebasan beragama kepada penduduk Aelia.

Dalam pada itu, Othman Al-Tel, menjelaskan bahawa kebebasan agama ini ditawarkan kepada setiap mazhab Kristian di Aelia. Ini adalah perkara yang jelas dapat difahami dalam teks *Jaminan Keamanan Umar*. Ia terangkum dalam penggunaan kata jamak di dalam teks tersebut yang boleh membawa maksud ‘pengikut-pengikut gereja yang berlainan.’¹⁰

Dari satu sudut, *Jaminan Keamanan Umar* tidak menyatakan tentang pengambilan orang-orang bukan Muslim untuk bekerja dalam institusi-institusi rasmi kerajaan Muslim. Namun, *Jaminan Keamanan Umar* juga tidak menyatakan apa-apa petunjuk untuk menghalang golongan *Zimmi* (bukan Muslim) dari menjawat jawatan dalam pemerintahan Islam di rantau tersebut. Sebenarnya, sejak pembukaan pertama Muslim ke atas Islamicjerusalem atau Bayt al-Maqdis ini sehingga berlakunya Perang Salib, terdapat banyak contoh yang membuktikan bahawa pemerintah Muslim tidak menghalang perlantikan bukan Islam dalam pentadbiran¹¹ dan

¹⁰ Othman Ismael Al-Tel (2003), *op.cit.*, h. 229.

¹¹ Khalil Athamina (2000), *Filastin fi Khamsat Qurun, min al-Fath al-Islami hatta al-*

mereka bertindak demi untuk mewujudkan kesejahteraan antara kaum dan keamanan sejagat.

Jelas dapat dilihat apa yang dilakukan oleh Umar dalam memberi jaminan keselamatan kepada semua kaum sebenarnya merupakan sesuatu yang sangat penting untuk survival di sepanjang zaman.

Jika diteliti dokumen *Jaminan Keselamatan Umar*, Umar Ibn al-Khattab sebenarnya tidak menandatangani perjanjian antara dua pihak. Umar Ibn al-Khattab memberikan kepada penduduk Aelia jaminan keamanan. Secara logik dapat difikirkan, jika ia adalah satu perjanjian, di manakah nama pihak kedua yang menandatangani perjanjian tersebut bersama Umar? Jelas, sebarang perjanjian tidak wujud, melainkan ia disebut sebagai 'jaminan' semata-mata.

Buktinya jelas melalui apa yang terkandung dalam dokumen tersebut pada perenggan pembukaan dan penutup. Jika ditinjau khususnya dari riwayat sejarawan terawal yang menyediakan isi kandungan dokumen tersebut seperti al-Ya'qubi, Eutychius dan al-Tabari, menunjukkan bahawa ia adalah satu jaminan dan bukannya perjanjian. Sebagai contoh, al-Ya'qubi, yang pertama merakam tentang teks Jaminan tersebut; perenggan yang pertama berbunyi, "Ini adalah *Kitab*, dokumen yang ditulis oleh Umar Ibn al-Khattab kepada penduduk *Bayt al-Maqdis*."¹² Pembukaan yang sama telah diberikan oleh Eutychius, "Ini adalah *Kitab*, satu dokumen dari Umar Ibn al-Khattab kepada penduduk Aelia."¹³ Versi al-Tabari juga mencatatkan perkara yang sama dengan perenggan pembukaan berbunyi:

Ini adalah Jaminan Keamanan (Aman) yang telah dikurniakan oleh hamba Allah (khalifah kedua) Umar (Ibn al-Khattab), panglima yang setia, kepada penduduk Aelia.

Manakala perenggan penutup versi al-Tabari pula berbunyi:

Kandungan Kitab Jaminan Keamanan ini adalah di bawah pemeliharaan Allah, tanggungjawab Rasul-Nya, para Khalifah, dan kesetiaan, jika (penduduk Aelia)

Ghazw al-Firanji: 634-1099, h. 138-142.

¹² Al-Ya'qubi (1960), *Tarikh al-Ya'qubi*. Beirut, Vol. II, h. 46, 167.

¹³ Said Ibn al-Batriq (Eutychius) (1905). *Tarikh al-Majmu'*, Beirut, vol. II, h. 16.

membayar Jizyah menurut kewajiban mereka. Individu-individu yang menyaksikannya ialah; Khalid Ibn al-Walid, Amru Ibn al-As, Abd al-Rahman Ibn Awf, dan Mu'awiyah Ibn Abi Sufyan.

Ini menunjukkan bahawa, dokumen ini yang ditawarkan oleh Umar kepada penduduk Aelia sesungguhnya adalah jaminan keamanan dan bukannya perjanjian di antara pihak pertama dan kedua atau pihak ketiga. Jaminan keamanan inilah yang telah membawa kesejahteraan kepada penduduk Aelia (Bayt al-Maqdis).

KONFLIK TEKS MENGENAI LARANGAN ORANG YAHUDI DARI MENDIAMI BAYT AL-MAQDIS

Terdapat di kalangan para sarjana yang melihat bahawa teks Jaminan Keselamatan Umar versi al-Tabari dianggap sebagai yang paling sahih. Walaupunkajian-kajian lepas telah meyakinkan bahawa versi al-Tabari adalah paling sahih, namun dengan terdapatnya satu ayat tambahan ‘pengecualian atau sekatan kepada Yahudi’ telah menimbulkan keraguan kepada para sarjana terhadap kesahihan teks tersebut. Frasa sekatan ini adalah salah satu isu penting yang perlu dibincangkan khususnya pada ayat tambahan tentang sekatan itu, yang bertentangan dengan tatacara pembukaan sesebuah negara oleh Muslimin secara umum. Malah, tiada satu pun versi-versi sebelum al-Tabari yang menyebutkan atau menyokong penambahan ini.

Ayat yang tercatat pada hujung perenggan kedua teks versi al-Tabari¹⁴ menyebutkan bahawa “Tiada Yahudi dibenarkan mendiami Aelia bersama mereka”. Kedudukan struktur ayat pendek ini tidak berpadanan dengan kandungan keseluruhan dokumen tersebut. Pada dasarnya, Jaminan ini memfokuskan kepada polisi Muslim yang praktikal tentang pengiktirafan terhadap pihak lain (bukan Muslim) dengan menentukan hak-hak mereka dan tanggungjawab masyarakat dan pemerintah Muslim terhadap mereka. Oleh itu, para sejarawan dengan tegas mencadangkan bahawa ayat yang kontroversi ini adalah bukan sebahagian daripada dokumen asli dan mungkin ia telah ditambah kerana kepentingan politik mahupun agama pihak-pihak tertentu.

¹⁴ Ada satu ayat pendek yang mengandungi hanya tujuh perkataan dalam bahasa asal dokumen tersebut (bahasa Arab) dan apabila diterjemahkan ke dalam bahasa terjemahan (Melayu) secara kebetulan ia mempunyai tujuh perkataan juga.

Walaupun terdapat dakwaan bahawa sekatan kepada Yahudi ini telah diletakkan oleh Umar Ibn al-Khattab sebagai syarat Jaminan penduduk Aelia, dakwaan itu tidak disokong mahupun disebut dalam mana-mana riwayat sebelum al-Tabari.¹⁵ Tambahan dari itu, ia kelihatan amat bertentangan dengan peristiwa-peristiwa sejarah dan riwayat-riwayat yang diketahui tentang pembukaan kota Bayt al-Maqdis oleh umat Islam. Tambahan pula, kajian mendapati tiada sumber sejarah Arab yang mengesahkan bahawa Umar Ibn al-Khattab menghalang Yahudi dari mendiami Bayt al-Maqdis. Jika dibuat ketika pemerintahan Umar Ibn al-Khattab, kondisi tersebut tentu telah dilaksanakan sepanjang sejarah pemerintahannya.

Karen Armstrong pula berpandangan bahawa telah menjadi amalan khulafa' Rashidun apabila mereka membuka sesuatu bandar, mereka akan melaksanakan peraturan yang sedia ada tanpa memperkenalkan apa-apa perubahan yang besar secara drastik. Pengusiran Yahudi merupakan tindakan orang Rom Timur yang melarang Yahudi dari mendiami Aelia. Ada kemungkinan bahawa Umar mengesahkan status quo tersebut, tetapi kemudiannya mengambil keputusan bahawa adalah tidak rasional dan tidak adil untuk mengecualikan Yahudi dari mendiami Bayt al-Maqdis."¹⁶

¹⁵ Penemuan baru tentang isu pengecualian orang Yahudi daripada mendiami Bayt al-Maqdis adalah bertentangan dengan pandangan sebelum ini. Pemahaman sebelum ini ialah "Umar Ibn al-Khattab tidak menentang syarat dalam Jaminan Keamanan – sebagaimana yang diminta oleh penduduk Aelia – bahawa 'tiada Yahudi dibenarkan mendiami Aelia bersama mereka'. Jaminan ini bersesuaian dengan posisi orang Yahudi di Jerusalem, yang telah diputuskan sejak Maharaja Hadrian mengeluarkan arahan pada 139M yang menghalang orang Yahudi dari memasuki, tinggal, mendekati mahupun melihat Jerusalem dari jauh. Umar 'dikatakan' memperbaharui arahan Hadrian, tetapi memberi keizinan untuk melihat dan melawat bandar tersebut. Pemerintahan Umar 'kelihatan' menjamin Yahudi tidak memiliki ketuanan ke atas Jerusalem. Tidak lama selepas permulaan pemerintahan Muslim, orang-orang Yahudi telah menetap di Jerusalem kembali selepas 500 tahun larangan". Dengan bukti-bukti baru dan kajian-kajian mutakhir yang dihasilkan atau diterbitkan sejak 1998 dalam bidang Pengajian Islamicjerusalem, ternyata hujah ini tidak tepat dan perlu untuk menjauhkan diri darinya. Abd al-Fattah El-Awaisi (1998), "The Significance of Jerusalem in Islam: an Islamic Reference", h. 62.

¹⁶ Ini adalah sebahagian dari komunikasi Karen Armstrong dengan pihak *Journal of Islamicjerusalem Studies* dalam menyampaikan pandangan beliau terhadap isu ini. Dari sudut lain, Daniel J. Sahas berhujah bahawa mungkin sumber-sumber sejarah Islam 'terkeliru' dengan pengusiran Heraclius ke atas Yahudi dari Aelia pada 629 M - apabila beliau membuka Parsi - dengan versi *Jaminan Keamanan Umar*. Lihat Daniel J. Sahas, "Patriarch Sophronious, Umar Ibn al-Khattab and the Conquest of Jerusalem", h.70-71. Untuk pendirian yang diambil oleh Heraclius terhadap orang-orang Yahudi di Aelia,

Walau bagaimanapun, boleh jadi terdapat kemungkinan lain terhadap ayat larangan ke atas orang Yahudi di dalam teks versi al-Tabari tersebut. Ini kerana dari aspek sejarah, boleh difahami bahawa kaum Muslimin tiada apa-apa kepentingan dengan melakukan pengusiran terhadap Yahudi ini. Lalu sebahagian sejarawan berpendapat ia adalah rekaan penulis-penulis Kristian atau mungkin ditambah oleh sumber Kristian,¹⁷ seperti mana yang dilakukan oleh pencatat sejarah Syria, Michael Syria, dan pencatat sejarah Kristian, Agapius (Mahbub) Manbij,¹⁸ dalam konteks konflik tradisi antara orang Yahudi dan Kristian.

Sumber Syria mengeluarkan satu teks ringkas yang didakwa sebagai Jaminan yang diberi oleh Umar kepada Ketua Gereja Sophronius. Teks ini termasuk sekatan bahawa Yahudi tidak boleh mendiami "*Bayt al-Maqdis*."¹⁹ Sumber terkemudian, al-Himyari menyatakan bahawa "orang Kristian membuat syarat bahawa Yahudi tidak dibenarkan untuk tinggal bersama mereka."²⁰ Manakala sumber-sumber Greek menunjukkan bahawa orang Kristian mahu Aelia kekal sebagai kawasan Kristian dan kemuncaknya ialah sangat jelas iaitu dengan mengusir orang Yahudi dari situ.²¹

Berbeza dengan sumber Kristian, terdapat beberapa sumber rujukan Yahudi menunjukkan bahawa orang Yahudi Syria "menunggu dengan sabar" ketibaan tentera Muslimin kerana mereka menderita di bawah pentadbiran zalim Rom Timur (Kristian) dan sengsara dengan penindasan mereka yang kejam pada abad kelima, keenam dan awal abad ketujuh Masihi.²² Tambahan pula, ada rekod yang menyatakan bahawa respon Yahudi kepada pembukaan

lihat Karen Armstrong (1996), *A History of Jerusalem: One City Three Faiths*. London: Harper Collins Publishers, h. 215, 233.

¹⁷ Abdul Aziz Duri (1989), "Jerusalem in the Early Islamic period: 7th - 11th centuries AD" dalam K. J. Asali (ed.), *Jerusalem in History*. UK: Scorpion Publishing, Essex, h. 107.

¹⁸ *Ibid*, h. 107; lihat juga Moshe Gil, *A History of Palestine: 634-1099*, h. 56.

¹⁹ Jean Baptiste Chabot (ed.) (1963), *Chronique de Michael le Syreïn* (Paris; 1899-1919), Bruxelles, jilid 2, h. 425 dipetik daripada Hani Abu al-Rub, *Tarikh Filastin fi sadr al-Islam*, h. 138.

²⁰ Dipetik oleh Duri melalui buku al-Himyari, *al-Rawad al-Mi'ar*. Lihat Abdul Aziz Duri (1989), *op.cit.*, h. 107.

²¹ Daniel J. Sahas "Patriarch Sophronious, Umar Ibn al-Khattab and the Conquest of Jerusalem", h. 67. Moshe Gil, *A History of Palestine: 634 - 1099*, h. 70.

²² Israel Ben Zeev (Abu Zuaib) (1976), *Ka'ab al-Ahbar: Jews and Judaism in the Islamic Tradition*, Jerusalem, h. 35.

pertama Muslim ke atas Bayt al-Maqdis “disifatkan sebagai positif,”²³ kerana ia telah menyingkirkan pentadbiran Rom Timur dan membebaskan Yahudi daripada penindas mereka. Malah, terdapat beberapa sumber Yahudi lain yang menyatakan lebih dari itu. Mereka bukan sahaja menyatakan orang Yahudi amat mengalu-alukan kedatangan tentera Muslimin dan membantu mereka ketika pembukaan Syria, tetapi turut mendakwa bahawa sekumpulan Yahudi menyertai tentera Muslimin, khususnya ketika pengepungan Bayt al-Maqdis.²⁴ Ini disokong oleh Patricia Crone dan Michael Cook²⁵ yang melihat adanya kerjasama di antara Muslim – Yahudi dalam hal ehwal pertahanan.

Di dalam hal ini, ada sarjana yang cuba menepis catatan yang dikemukakan oleh Ben Zeev, Armstrong, Patricia Crone dan Michael Cook. Ini dapat dilihat apabila Moshe Gil berhujah bahawa seseorang tidak boleh membuat satu kesimpulan dari sumber-sumber ini di mana terdapat orang-orang Yahudi dalam barisan tentera Muslim.²⁶ Beliau juga menolak dakwaan Patricia Crone dan Michael Cook dan menuduh bahawa kedua-dua sarjana ini menokok-nambah dalam melihat ini sebagai bukti kerjasama umum Muslimin-Yahudi.

Sejarah turut merakamkan bahawa Titus telah memusnahkan bandar Jerusalem dan membakar Rumah ibadatnya sekitar tahun 70 M, sebelum diikuti oleh Hadrian pada tahun 135 M. Selepas pengusiran orang-orang Yahudi dari Aelia, Maharaja Hadrian telah meneruskan pelan dan mengisytiharkan keputusan baginda pada tahun 139 M yang menyatakan bahawa “Tiada Yahudi dibenarkan berada di daerah Aelia,”²⁷ nama Aelia diperkenalkan sebagai nama baru bagi Jerusalem.²⁸ Sumber Yahudi turut

²³ Abd Allah al-Sharif (1424 H), “Mawqif Yahud al-Sham min al-Fatih al-Islami”, *Majalat Jami'at Umm al-qura li Ulum al-Shar'iyah wa al-Lughah al-Arabiyyah wa Adabiha*, h. 526.

²⁴ Israel Ben Zeev (Abu Zuaib) (1976), *op.cit.*, h. 36-37; lihat juga Karen Armstrong, *A History of Jerusalem: One City, Three Faiths*, h. 230.

²⁵ Patricia Crone dan Michael Cook (1977), *Hagarism: the Making of the Islamic World*. Cambridge: Cambridge University Press, h. 156.

²⁶ Moshe Gil, *A History of Palestine: 634-1099*, h. 71.

²⁷ *Ibid.*, h. 88.

²⁸ Aelia (40 batu persegi) mengandungi: daerah-daerah Gophna, Herodium dan kawasan barat Jerusalem yang dikenali sebagai Oreine atau “Negeri Berbukit”. Lihat Muhammad al-Maqdisi (1977), *Aḥṣan al-Taḳāsim fi Ma'rifat al-Aqālim*, Baghdad, h. 173. John Wilkinson berhujah bahawa “kawasan yang dikenali sebagai Jerusalem di Aelia

mendakwa bahawa kaum Yahudi turut dibenarkan bersembahyang di Bayt al-Maqdis selepas pembukaan Muslim tersebut.²⁹

Terdapat juga sumber Kristian yang menyatakan bahawa orang Yahudi mendiami Bayt al-Maqdis sejurus selepas pembukaan pertama Muslim. Sebagai contoh, Paderi Theophanes, yang hidup sejak dari akhir abad kelapan hingga permulaan abad kesembilan, mendakwa bahawa Yahudi mengisytiharkan kepada Umar Ibn al-Khattab supaya salib-salib perlu dikeluarkan dari gereja-gereja utama di atas Gunung Zaitun (Mount of Olives). Seorang pengembara, Bishop Arculf - yang melawat Bayt al-Maqdis untuk mengerjakan ibadat agama Kristian pada 670 M ketika zaman Khalifah Mu'awiya Ibn Abi Sufyan, menceritakan dengan panjang lebar bahawa beliau telah menemui dua kumpulan Yahudi di Bayt al-Maqdis. Kumpulan yang pertama telah memeluk Kristian dan yang kedua kekal sebagai Yahudi.³⁰

Ini ditambah dengan pandangan penulis Kristian, Michael Asif yang menyatakan bahawa sekumpulan kecil masyarakat Yahudi tersebut telah sedia ada tinggal di Bayt al-Maqdis dan ini bertambah dari semasa ke semasa. Pada penghujung abad pertama Hijrah, menurut beliau, terdapat komuniti besar Yahudi di Bayt al-Maqdis yang terbahagi kepada dua kumpulan, setiap satu dengan sinagog (rumah ibadat Yahudi) dan sekolah masing-masing.³¹

Namun begitu, ada juga yang berpendapat tiada langsung Yahudi pada zaman awal Islam di Bayt al-Maqdis. Ini dapat dilihat melalui pendapat Shafiq Jasir yang berpandangan bahawa tiada Yahudi tinggal di Bayt al-Maqdis sepanjang pemerintahan empat Khalifah Islam. Beliau memetik dari sumber moden, seperti Ibrahim Siddiqi,³² bahawa bilangan Yahudi ketika khilafah Umayyah (41 – 132H/ 661 – 750 M) adalah sekitar 20 orang lelaki yang menjadi petugas di kawasan Masjid al-Aqsa.³³

Capitolina adalah bandar yang kecil”, lihat John Wilkinson (1989), h. 90.

²⁹ *Ibid*, h.37-38; lihat juga Moshe Gil, *A History of Palestine; 634-1099*, h. 71.

³⁰ Arculf, *Eines Pilgers Reise nach dem Heiligen Land um 670 aus dem lateinischen ubersetzt und erklart von paul mickley* (Leipzig, 1917), h.29-31 dipetik oleh Israel Ben Zeev (Abu Zuaib), *Ka'ab al-Ahbar*, h. 38.

³¹ Israel Ben Zeev (Abu Zuaib), *Ka'ab al-Ahbar*, h. 40.

³² Dalam bukunya *Jerusalem and The land of Canaan*, h. 194.

³³ Shafiq Jasir (1999), “Al-Taghayyurat al-Dimughrafiyah fi al-Quds Abra Tarikhīha” dalam Shafiq Jasir (ed.), *Jerusalem fi al-Khitab al-Mu'asir*, Jordan, h. 337-338; lihat

Bagi menjawab pandangan Shafiq Jasir, pandangan Karen Armstrong wajar diteliti. Beliau menyatakan bahawa menjelang era Perang Salib, al-Quds dikenali sebagai bandar *Zimmi*, kerana orang Yahudi dan Kristian sangat ramai dan berjaya di sana. Jadi, sudah tentu terdapat ramai masyarakat Yahudi di Aelia, meskipun kebanyakan Yahudi lebih gemar tinggal di Ramla.³⁴

Oleh itu, tidak benar pernyataan yang menyatakan Yahudi dikecualikan tinggal di Bayt al-Maqdis pada zaman awal Islam, terutama pada zaman Umar al-Khattab. Secara logiknya, jika benar Umar mengecualikan Yahudi dari mendiami Aelia, bagaimana Salah al-Din dan pemimpin-pemimpin Muslimin yang lain boleh membenarkan mereka kembali? Selepas pembukaan semula Bayt al-Maqdis oleh Salah al-Din pada 1187 M, dua kawasan penempatan baru telah dibina dalam daerah kota lama: kawasan penempatan Maghribi dan kawasan penempatan Yahudi, dengan kawasan penempatan Sharaf di tengah-tengah.³⁵ Menurut Donald P. Little, komuniti kecil Yahudi di Bayt al-Maqdis ketika zaman Mamluk kelihatan gembira dengan status *Zimmi* yang diberikan kepada mereka dalam perundangan Islam.³⁶ Joseph Drory berhujah bahawa Yahudi tidak memberi sebarang ancaman kepada masyarakat Muslim di bandar tersebut dan tinggal dengan aman dengan jiran tetangga mereka.³⁷ Donald P. Little

juga Moshe Gil, *A History of Palestine: 634 1099*, h. 71- 72; lihat juga Karen Armstrong, *A History of Jerusalem: One City, Three Faiths*, h. 233.

³⁴ Komunikasi Karen Armstrong dengan *Journal of Islamic Jerusalem Studies*.

³⁵ Mustafa A. Hiyari “Crusader Jerusalem: 1099 - 1187 AD”, h. 170. Ketika zaman Latin hanya beberapa orang Yahudi tinggal di Jerusalem berdekatan Kota. Polisi toleransi Salah al-Din membenarkan Yahudi untuk kembali ke bandar tersebut. Oleh kerana itu, mereka perlahan-lahan mula membina komuniti. Menurut J. Praver, tiga kumpulan menetap pada masa itu di Jerusalem, dua adalah orang-orang Yahudi: Yahudi dari Maghribi yang melarikan diri ke Timur sekitar 1198-1199 dan orang-orang Yahudi dari Perancis – lebih kurang 300 keluarga – yang berhijrah dalam dua kumpulan pada 1210. Apabila Jerusalem telah diserahkan kepada Frederick II pada tahun 1229, pembentukan undang-undang anti-Yahudi oleh Tentera Salib telah kembali diperkukuhkan dan semua orang-orang Yahudi dilarang dari mendiami bandar tersebut. Lihat J. Praver (1964), “Minorities in the Crusader states” dalam *A History of the Crusades*, New York, V, h. 97; Steven Ranciman (1965), *A History of the Crusades*, London, I, h. 467; Karen Armstrong, *A History of Jerusalem: One City, Three Faiths*, h. 298-299.

³⁶ Donald P. Little (1989), “Jerusalem under the Ayyubids and Mamluks” dalam K. J. Asali (ed.), *Jerusalem in History*, Essex: Scorpion Publishing, h. 195.

³⁷ Joseph Drory (1981). “Jerusalem during the Mamluk period: 1250-1517”, *The Jerusalem Cathedral*, h. 213.

berpendapat bahawa dari dokumen-dokumen Masjid al-Aqsa kita pelajari bahawa kaum Yahudi boleh memiliki harta benda di bandar tersebut dan mengendalikan perniagaan; sekurang-kurangnya sekali.³⁸

Daripada hujah-hujah yang dikemukakan ini, jelas menunjukkan bahawa golongan Yahudi sudah ada di Bayt al-Maqdis ketika pembukaan pertama kota tersebut oleh kaum Muslimin pada zaman Umar al-Khattab. Ini menyebabkan frasa larangan terhadap Yahudi untuk tinggal di Kota Bayt al-Maqdis seperti yang tercatat di dalam teks *Jaminan Keselamatan Umar* versi al-Tabari sebagai sesuatu yang diragui dan tertolak. Ini turut meningkatkan keyakinan bahawa frasa larangan tersebut merupakan tambahan yang berlaku setelah perkembangan Islam tersebar ke sebelah utara Jazirah Arab. Penambahan frasa tersebut boleh jadi disebabkan oleh faktor-faktor untuk mendapatkan sokongan Muslim bagi mempertahankan Bayt al-Maqdis ketika ia diancam oleh kuasa-kuasa luar pada zaman pemerintahan Bani Umayyah atau Bani Abbasiyyah.

JAMINAN TERHADAP HARTA DAN RUMAH IBADAT

Apabila diteliti teks versi al-Tabari tersebut, boleh difahami bahawa umat Islam cuba untuk menjaga kesejahteraan dengan tidak mengambil-alih rumah-rumah ibadat milik agama lain. Haitham al-Ratrout, berhujah bahawa *Jaminan Keamanan Umar* tidak membenarkan Muslim untuk mengambil alih rumah-rumah ibadat orang Kristian di Bayt al-Maqdis.³⁹

Abu Ubayd al-Qassim Ibn Sallam (m. 224 H/ 836 M) telah meriwayatkan dalam bukunya *Kitab al-Amwal*,⁴⁰ dari Abdullah Ibn Salih (m. 223 H/ 838 M), daripada al-Layth Ibn Sa'd (meninggal 165 H/ 782 M), dari Yazid Ibn Abi Habib (seorang rakyat Mesir yang menjadi mufti Mesir sehingga beliau meninggal pada 128 H/ 746 M),⁴¹ bahawa adalah dipersetujui semua yang ada dalam Kota Aelia perlu kekal di tangan para penduduknya selama mana mereka membayar jizyah. Kawasan-kawasan di luar Kota akan menjadi hak pemerintah Muslim. Al-Sakhnini berhujah bahawa

³⁸ Donald Little (1985), "Haram Documents related to the Jews of late fourteenth century Jerusalem", *Journal of Semitic Studies* (jilid. 30, no. 2, 1985), h. 227-264.

³⁹ Haitham al-Ratrout (2004), *The Architectural Development of Al-Aqsa Mosque in The Early Islamic Period: Sacred Architecture in The Shape of The "Holy"*, UK: Al-Maktoum Institute Academic Press, h. 215.

⁴⁰ Abu Ubayed al-Qasim Ibn Sallam (1986), *Kitab Al-Amwal*. Beirut, T.P, h. 168.

⁴¹ Issam Sakhnini, *Ahd Ilya wa al-Shurut al-Umariyya*, h. 40.

riwayat Abu Ubayd adalah unik dan satu-satunya riwayat yang menyentuh tentang perkara tersebut. Ia merupakan yang pertama diriwayatkan oleh Abu Ubayd kemudian dipetik oleh al-Baladhuri.⁴² Tidak diragukan lagi bahawa peristiwa bersejarah ini mempunyai kaitan dengan perbincangan tentang sikap Islam terhadap kemajmukan, konflik dan keadilan.

Haitham al-Ratrout berhujah bahawa kawasan Masjid al-Aqsa, di mana Muslim membina masjid tersebut selepas pembukaan Bayt al-Maqdis, sebenarnya berada pada lokasi di luar Kota Aelia.⁴³ Tambahan lagi, Karen Armstrong mengutarakan pandangan bahawa kaum Muslimin tidak bertindak membina masjid-masjid dalam bahagian penduduk Kristian di Jerusalem dan tidak menunjukkan hasrat untuk merealisasikannya sehingga selepas Tentera Salib, yang benar-benar telah merosakkan hubungan antara tiga agama Ibrahim di Jerusalem. Tetapi sehingga Perang Salib, Jerusalem kekal sebagai bandar majoriti orang-orang Kristian dan kaum Muslimin kekal sebagai minoriti”.⁴⁴

Ini jelas menunjukkan betapa sikap toleransi kaum Muslim dalam menghormati masyarakat bukan Islam dengan tidak membina rumah ibadah di dalam kawasan yang pernah dikuasai bukan Islam secara eksklusif.

KESIMPULAN

Dari perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kesejahteraan hubungan di antara masyarakat Islam dan bukan Islam sebenarnya telah ditunjukkan dengan jelas di bawah pemerintahan Islam. Kelangsungan amalan yang dibuat oleh Nabi Muhammad SAW, diteruskan oleh para sahabatnya sehingga dalam kalangan bukan Islam dapat menerima kaedah dan cara muamalah yang dijamin kepada mereka. Tidak ada sebab berlakunya penindasan kaum, sedangkan Islam itu sifatnya membebaskan manusia dari cengkaman kezaliman. Walaupun ada jaminan kebebasan yang diberi, namun pemerintah turut mempunyai hak untuk memutuskan sebarang undang-undang bagi melicinkan pentadbiran. Dalam hal ini, rakyat pelbagai kaum seharusnya menghormati peraturan-peraturan supaya keadaan kehidupan mempunyai sistem yang baik. Masyarakat bukan

⁴² Al-Baladhuri, Muhammad (1936), *Futuh al-Buldan*, Kaherah, h. 43-44.

⁴³ Haitham al-Ratrout, *The Architectural development of al-Aqsa Mosque*, h. 209-239.

⁴⁴ Karen Armstrong (1997). «Sacred Space: the Holiness of IslamicJerusalem», *Journal of IslamicJerusalem Studies* (Vol. I, no. I, Winter 1997), h. 14-15.

Islam seharusnya menghormati jaminan kebebasan yang diberi dengan tidak mengambil kesempatan untuk kepentingan sendiri dalam merencanakan kehidupan yang mencabar. Manakala masyarakat Islam, perlu memahami aspek ini yang telah ditunjukkan oleh para leluhur Islam terdahulu bagi memastikan keharmonian tetap terpelihara dan negara boleh mencapai kemajuan yang dikehendaki selaras membangun suatu ketamadunan baru yang didamba bagi mengembalikan kegemilangan silam.

RUJUKAN

Abd al-Fattah El-Awaisi (2005), *Umars' Assurance of Safety Aman*. UK: Al-Maktoum Institute Academic Press.

_____ (2007), *Introducing Islamicjerusalem*. UK: Al-Maktoum Institute Academic Press.

Abd Allah al-Sharif (1424 H), "Mawqif Yahud al-Sham min al-Fatih al-Islami", *Majalat Jami'at Umm al-qura li Ulum al-Shar'iyah wa al-Lugha al-Arabiyyah wa Adabiha*.

Abdul Aziz Duri (1989), "Jerusalem in the Early Islamic period: 7th - 11th centuries AD" dalam K. J. Asali (ed.), *Jerusalem in History*. UK: Scorpion Publishing, Essex.

Armstrong, Karen (1997), *A History of Jerusalem: One City Three Faiths*. UK: HarperCollins Publishers.

Donald Little (1985), "Haram Documents related to the Jews of late fourteenth century Jerusalem", *Journal of Semitic Studies* (jilid. 30, no. 2, 1985).

_____ (1989), "Jerusalem under the Ayyubids and Mamluks" dalam K. J. Asali (ed.), *Jerusalem in History*, Essex: Scorpion Publishing.

Haitham al-Ratrouf (2004), *The Architectural Development of Al-Aqsa Mosque in The Early Islamic Period: Sacred Architecture in The Shape of The "Holy"*, UK: Al-Maktoum Institute Academic Press.

- Israel Ben Zeev (Abu Zuaib) (1976), *Ka'ab al-Ahbar: Jews and Judaism in the Islamic Tradition*, Jerusalem.
- J. Prawer (1964), "Minorities in the Crusader states" dalam *A History of the Crusades*, New York, V.
- John Wilkinson (1990), 'Jerusalem Under Rome and Byzantium' in K. J Asali, *Jerusalem in History*. New York: Olive Branch Press.
- Joseph Drory (1981). "Jerusalem during the Mamluk period: 1250-1517", *The Jerusalem Cathedra*.
- Karen Armstrong (1996), *A History of Jerusalem: One City Three Faiths*. London: Harper Collins Publishers.
- _____ (1997). "Sacred Space: the Holiness of Islamic Jerusalem", *Journal of Islamic Jerusalem Studies* (Vol. I, no. I, Winter 1997).
- Khalil Athamina (2000), *Filastin fi Khamsat Qurun, min al-Fath al-Islami hatta al-Ghazw al-Firanji: 634-1099*.
- Mahmoud Mataz Kazmouz (2007), 'Islamic Jerusalem As a Model For Multiculturalism: Preliminary Study' in *Journal of Islamic Jerusalem Studies*, Vol. 8, Summer.
- Muhammad al-Maqdisi (1977), *Aḥṣān al-Taqāsīm fi Ma'rīfat al-Aqālīm*, Baghdad.
- Othman Ismael al-Tel (2003), *The First Islamic Conquest of Aelia (Islamic Jerusalem): A Critical Analytical Study Of The Early Islamic Historical Narrations and Sources*. UK: Al-Maktoum Institut Academic Press.
- Patricia Crone dan Michael Cook (1977), *Hagarism: the Making of the Islamic World*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Shafiq Jasir (1999), "Al-Taghayyurat al-Dimughrafiyah fi al-Quds Abra Tarihiha" dalam Shafiq Jasir (ed.), *Jerusalem fi al-Khitab al-Mu'asir*, Jordan.

James, R. (1997). *The Jews and Islam: An Islamic History*. London: Routledge.

Jones, J. (1997). "Muslims in the Crusader States: A History of the Crusades." *Journal of Islamic Studies*, 10(1), 1-15.

Kennedy, D. (1985). *A Guide to Qibla*. Oxford: Oxford University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of Persia*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of India*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of China*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of Europe*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of Africa*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of the Americas*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of the Pacific*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of the Arctic*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of the Antarctic*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of the Moon*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of Mars*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of Venus*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of Jupiter*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of Saturn*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of Uranus*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of Neptune*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of Pluto*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of the Sun*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of the Stars*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, D. (1985). *The Muslim Conquest of the Universe*. Cambridge: Cambridge University Press.